

BERITA Rumah Kita

PERUMAHAN AWAM DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
"Rumah Ku, Syurga Ku"



BIL: 2/2002

ISSN 0128-5912

NASKAH PERCUMA

* APRIL 2002

Rumah Pangsa MENJADI IMPIAN WARGA KOTA



DBKL perihatin dengan masalah perumahan yang semakin meruncing di kalangan berpendapatan rendah dan sederhana.



DBKL menumpukan pembinaan rumah kos rendah untuk disewa sahaja kepada orang awam

Perumahan Awam DBKL menjadi impian warga kota yang berpendapatan rendah menaruh harapan kerana sewa rumah atau flat swasta yang setaraf lebih mahal empat kali ganda jika dibandingkan dengan sewa rumah pangsa DBKL. Dengan sewa yang rendah iaitu unit satu bilik RM94 sebulan, unit dua bilik RM124 sebulan, sudah tentu ramai orang memasang harapan tinggi untuk menduduki rumah DBKL, bukan sahaja murah, selesa, bersih, terletak di kawasan utama Kuala Lumpur dan keselamatan sentiasa terjamin daripada dihalau oleh tuan rumah, kecuali mereka yang tertunggak sewa/air dan melanggar perjanjian dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Beberapa langkah diambil untuk menentukan semua golongan rakyat terutama yang miskin mendapat pembelaan yang adil. Dalam proses pembangunan dan urbanisasi yang pesat, rakyat miskin tidak seharusnya diketepikan begitu sahaja.

DBKL mengemukakan projek perumahan awam untuk rakyat termiskin itu bersesuaian dengan konsep atau kehendak Tabung Perumahan Awam Kos Rendah. Dengan kesungguhan DBKL itu, dijangkakan semua program perumahan yang dirancang dapat dilaksanakan secara berkesan dan lancar.

Keprihatinan DBKL dalam menangani masalah perumahan yang kian meruncing di kalangan golongan yang berpendapatan rendah di Kuala Lumpur, diharapkan dapat mengurangkan masalah perumahan untuk golongan yang kurang bernasib baik. Hasrat ini memberi dorongan kuat kepada DBKL untuk bergerak dengan lebih gigih lagi.

Pembangunan yang terlalu pesat menimbulkan cabaran baru dalam mengimbangi keperluan tempat tinggal dan pembangunan bandar yang lain. Kuala Lumpur sentiasa berhadapan dengan masalah penawaran perumahan berbanding dengan keperluan warga kota yang pelbagai taraf kehidupan.

Pelaksanaan program perumahan sama ada yang dilaksanakan oleh DBKL atau swasta yang dirancang dan diselaraskan mengikut keperluan warga kota, khususnya bagi golongan miskin akan terus menjadi agenda utama DBKL.

DBKL prihatin dengan masalah perumahan yang semakin meruncing di kalangan berpendapatan rendah dan sederhana. DBKL lebih menumpukan pembinaan rumah kos rendah untuk disewa sahaja kepada orang awam dengan harapan dapat mengembangkan stok perumahan awam kos rendah untuk mereka yang benar-benar memerlukan.

DBKL sentiasa memberi penekanan kepada penyediaan perumahan yang secukupnya kepada rakyat dalam matlamat menempatkan semula setinggan dan penyediaan kediaman untuk golongan berpendapatan rendah. Dalam proses urbanisasi dan pembangunan yang pesat, golongan berpendapatan rendah tidak diabaikan.



DBKL akan dapat mengembangkan stok perumahan awam kos rendah untuk disewa kepada golongan yang benar-benar memerlukan



Menjelang tahun 2003 DBKL akan menerima sebanyak 35,000 unit rumah kos rendah untuk menampung permintaan



KANDUNGAN

Rumah Pangsa menjadi Impian Warga Kota	1
Kandungan	2
Dari Meja Pengarah	3
Hj. Salleh Yusup Berpindah Ke JPEKS	4
Penyewa Patut Diwajibkan Menyertai Persatuan	5
Kejiranan	6
Keselamatan	7
Aduan Awam Bilik Gerakan	8
Cuba Padamkan Api	9
Perkhidmatan Untuk Penghuni Perumahan Awam	10
Persatuan Penduduk Kreatif dan Inovatif	11
Visi Setingan Sifar	12
Komitmen Untuk Bersih Indah	13
Elakkan Kereta Anda Disaman	14
Produktiviti Belia Boleh Ditingkatkan	15
Gambar Dan Peristiwa	16
Gambar Dan Peristiwa	17
Kuala Lumpur Sejuta Wajah	18
Aktiviti Sosial Demi Masyarakat	19
Mencari Kedamaian Di Rumah Pangsa	20
Warga Flat Tidak Berdisiplin	21
Remaja Ada Kekuatan Tersendiri	22
Surat Akujanji	23
Jangan Biarkan Masalah Menjadi Kudis	24
Program Atasi Masalah Sosial Warga Flat	25
Masyarakat Yang Berakhlak	26
Prihatin Dengan Aduan Awam	27
Sambutan Tahun Baru Cina Meriah	28
Sukan Petunjuk Maruah Bangsa	29
Personaliti: Amir Hj. Ahmad Aktivitis Masyarakat	30
Pendidikan Agama Siri Ke-22	31
Motivasi (Ada)	31
Multaqa Jawatankuasa Surau	32



Ramly Othman
Pengarah
Jabatan Pengurusan
Perumahan

KESEDARAN SIVIK HINDARKAN GEJALA NEGATIF

Objektif utama program sosial antara lain mengadakan aktiviti-aktiviti yang dapat membantu golongan remaja khusus di kawasan perumahan DBKL bagi masa lapang mereka dengan melakukan perkara-perkara yang lebih berfaedah dan dapat menghindar daripada terjebak dalam gejala-gejala sosial yang tidak sihat.

Pusat-pusat komputer yang ditempatkan di Perumahan Awam DBKL telah beroperasi bagi memberi pendidikan kepada belia-belia dan pelajar dalam usaha mendalami pengetahuan komputer. Program ini memberi faedah kepada mereka yang tinggal di kawasan persekitaran perumahan itu.

Program-program dan aktiviti kemasyarakatan sebenarnya amat penting terutamanya untuk mengimbangi pembangunan-pembangunan fizikal yang begitu pesat dewasa ini. Usaha-usaha yang dibuat itu seharusnya diberi pujian dan diharapkan dapat memperluas aktiviti-aktiviti mereka di kawasan perumahan yang lain.

Diharapkan belia-belia di kawasan ini dapat menyedari betapa pentingnya menerapkan nilai-nilai murni seperti menghormati ibu bapa dan menyalurkan tenaga mereka kepada aktiviti yang sihat dan mendatangkan faedah kepada diri mereka, keluarga dan masyarakat.

Belia-belia wajar mengambil kesempatan dan menggunakan program yang diaturkan ini sebagai pendorong kepada mereka untuk berusaha bagi memastikan gejala-gejala sosial yang bersifat negatif dapat dihindarkan. Mereka hendaklah mewujudkan program-program sendiri kerana kita percaya ini akan lebih membantu dalam mencegah berlaku gejala-gejala tidak sihat.

Dalam pada itu, kita juga berharap penduduk yang berbilang kaum dapat menjalin hubungan yang erat dan mesra di kalangan jiran-jiran, saling tolong menolong dan bantu membantu antara satu sama lain.

Sebagai mempertingkatkan usaha-usaha kemasyarakatan, Jabatan Pengurusan Perumahan dengan kerjasama persatuan penduduk selalu mengadakan projek gotong-royong di kawasan perumahan DBKL, bagi

memastikan menjadikan sebuah kawasan perumahan awam yang bersih dan selesa untuk didiami.

Usaha ini selaras dengan hasrat DBKL yang amat menggalakkan penduduk berusaha membersihkan dan mengindahkan kawasan kediaman masing-masing. Disamping itu, DBKL mempunyai program tersendiri dalam menggalakkan kebersihan di perumahan awam, dengan mengadakan pertandingan bersih dan indah bagi semua kawasan perumahan awam DBKL. Pertandingan ini bermula sejak April 1998, DBKL memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada kawasan-kawasan yang berjaya.

Diharapkan penghuni-penghuni diperumahan awam DBKL memberikan kerjasama sepenuhnya lebih-lebih lagi DBKL berhasrat menjadikan Kuala Lumpur hebat setaraf Bandaraya terbesar di dunia seperti Paris, London dan New York. Menyentuh tentang Kuala Lumpur sebagai pusat pelancongan, diharapkan penduduk di kawasan ini dan ditempat-tempat lain memberikan perhatian yang lebih serius untuk memastikan keindahan dan kebersihan sentiasa dipelihara.

Sebagai contoh penghuni rumah pangsa boleh membantu dengan mengelakkan diri daripada menjemur dan menyangkut pakaian di luar kediaman mereka terutamanya bagi rumah-rumah pangsa yang terletak berhampiran dengan jalan-jalan utama.

Dalam masyarakat yang terdiri daripada berbilang bangsa dan agama seperti Malaysia, perpaduan antara kaum amat penting dipelihara. Dengan adanya perpaduan, tentu dapat mewujudkan suasana yang aman, makmur dan harmoni. Keadaan ini membolehkan rakyat terus membangun dan memajukan negara. Rakyat bertanggungjawab dan berusaha sedaya upaya untuk terus mengekalkan keamanan, keharmonian dan perpaduan yang dicapai selama ini.

Mereka wajar mengucapkan terima kasih kepada pemimpin-pemimpin, agensi-agensi kerajaan dan tidak lupa kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela atau bukan kerajaan yang menyumbang ke arah mewujudkan keamanan dan keharmonian.

Negara mengalami proses modenisasi yang begitu pesat sejak beberapa dekad lalu. Akibat proses modenisasi, mereka telah menyaksikan sebilangan belia-belia yang terjebak dalam gejala sosial yang kurang sihat seperti vandalisme, lepak, ponteng sekolah dan penyalahgunaan dadah.

Memandangkan gejala-gejala negatif ini akan meninggalkan kesan yang buruk ke atas negara jika dibiarkan, maka penglibatan seluruh anggota masyarakat bagi membendung tindakan-tindakan yang tidak berfaedah ini amat perlu. DBKL sendiri telah mengambil beberapa langkah yang sesuai dalam menangani masalah-masalah sosial terutama di kawasan-kawasan perumahan milik DBKL.

Usaha-usaha untuk membendung gejala kurang sihat yang lain terutamanya yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah diberi perhatian utama, DBKL dapat bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Walaupun begitu, apa yang penting, kesedaran untuk mencegah gejala

ini daripada terus menular ke dalam masyarakat.

Ibu bapa dan belia-belia wajar mengambil inisiatif masing-masing untuk memastikan gejala-gejala yang negatif ini dihindarkan. Kuala Lumpur, bandaraya yang indah dan menarik. Keindahannya akan terjejas sekiranya masalah sosial dibiarkan menular di kalangan masyarakat.

Dikesempatan ini saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Tuan Hj. Salleh bin Yusup bekas Pengarah Jabatan Pengurusan Perumahan yang telah dinaikkan pangkat dan selamat bertukar ke Jabatan Perancangan Ekonomi Dan Kemudahan Sosial mulai 1 Mac 2002. Banyak program pembangunan sosial disamping program menceriakan kawasan perumahan awam kita telah dilaksanakan dengan jayanya. Hasil buah fikiran dan arahan beliau. Segala arahan dan tunjuk ajar beliau akan terus dilaksanakan dan diucapkan terima kasih.

BERITA RUMAH KITA

Ketua Editor

Ramly bin Othman

Editor

Wan Abdullah bin Wan Abd. Ghani

Wartawan

Ab Wahab bin Omar

Jurufoto

Dolmat Md. Som
Ab Wahab bin Omar

Pembaca Pruf

Suhaila bt. Mod. Yusup
Norziana bt Wan Razali

Pengedaran

Khairul Azman bin Kamaruddin
Tulisan yang tersiar dalam majalah

BERITA RUMAH KITA

tidak semestinya menggambarkan fikiran

Jabatan Pengurusan Perumahan
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Alamatkan surat menyurat kepada:

Editor

BERITA RUMAH KITA

Jabatan Pengurusan Perumahan
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

No. 12, Jalan Tuanku Abdul Rahman,

Peti Surat 11022,

50100 Kuala Lumpur

atau hubungi

ENCIK WAN ABDULLAH WAN ABD. GHANI

No. Tel. 03-26938166 samb. 282

Nombor Telefon DBKL

Ibu Pejabat DBKL	— 26916011
Aduan Awam DBKL	— 26934531
Hot Line (24 jam)	— 26911686
Perumahan	26912112
Bhg. Penguatkuasaan Perumahan	— 26938166 samb. 125/ 126
Pej. Zon 1	— 91734513
Pej. Zon 2	— 92215505
Pej. Zon 3	— 40420340
Pej. Zon 4	— 61899563

Dicetak oleh:

Percetakan Nasional Malaysia Berhad,
Kuala Lumpur